


MAJLIS MESRA MENJUNJUNG KASIH
Kebawah Kaus, YAM Dato' Abdul Latif Bin Hj Hashim
Orang Kaya Seri Raja Merah
Undang Wilayah Naning ke-19



Tetamu Kehormat
Ybhg. Dato' Hj Rahim Bin Hj Baba DMSM
Pengerusi Penaja Pawaning


1 Ogos 2004

8.30 Malam

Restoran Naiman Simpang Point
Simpang Empat Alor Gajah

2. Aturcara :

- 8.15 malam - Ketibaan Jawatankuasa Penaja PAWANING
- 8.25 malam - Ketibaan Jawatankuasa Lembaga Adat Naning
- 8.35 malam - Ketibaan Datuk-Datuk Kehormat Maj.Penasihat BUN
- 8.45 malam - Ketibaan Datuk-Datuk Lembaga Balai Undang
- 8.50 malam - Ketibaan Ybg Datuk Hj Abdul Razak Bin Hj Alias
Penasihat Jawatankuasa Lembaga Adat Naning
- 9.00 malam - Ketibaan Ybg Datuk Hj Abdul Rahim Bin Hj Baba
Presiden Penaja PAWANING
- 9.10 malam - Kesampaian Ke Bawah Kaus YAM Dato' Undang
Wilayah Naning Ke 19
- 9.15 malam - Bacaan Doa oleh Dato' Maulana Hakim Hj Bahari Bin
Abdullah
- 9.20 malam - Ucapan Aluan Pengerusi Majlis merangkap
Tim. Presiden P. PAWANING
 - Ucapan Ybg Datuk Hj Abdul Razak Bin Hj Alias
Penasihat Lembaga Adat Naning
 - Ucapan Ybg Datuk Hj Rahim Bin Hj Baba
Presiden Penaja PAWANING
 - Penyerahan Kertas Kerja Penubuhan PAWANING
 - Penyerahan Kertas Cadangan Seminar Adat Naning
 - Jamuan



PAWANING

SINGKATAN NAMA : PERSATUAN ANAK ADAT WILAYAH NANING

OBJEKTIF PENUBUHAN

- 1 MENGANGKAT MULIA SERTA MEMERTABATKAN INSTITUSI ADAT. MENJADI PENYOKONG DAN PEMANGKIN KEPADA ADAT ISTIADAT, YANG DI BAWAH NAUNGAN SISTEM BERUNDANG.
- 2 MERAPATKAN SEMUA MASYARAKAT YANG BERSUKU WARIS DI DALAM ADAT WILAYAH NANING DAN MENGADAKAN PERTUKARAN BUDAYA.
- 3 MENGADAKAN LEBIH BANYAK AKTIVITI BERBENTUK KURSUS - KURSUS PENGENALAN ADAT, SIMPOSIUM DAN ACARA - ACARA BERADAT MENGIKUT ADAT NAN DIADATKAN, ADAT NAN TERADAT, ADAT NAN DIISTIADAT DAN ADAT NAN RESAM.
- 4 MENGANGKAT MULIA DAN MENOBATKAN PERIHAL ADAT KEPADA KE BAWAH KAUS YAM DATO UNDANG NANING SETERUSNYA TURUN TEMURUN.
- 5 MEMBANTU DAN MEMBESARKAN SERTA MENAIKAN TARAF DATO - DATO LEMBAGA ADAT AGAR SEJAJAR BERDIRI SAMA TINGGI DAN DUDUK SAMA RENDAH DENGAN DATO-DATO LEMBAGA ADAT PERPATIH AGAR DISEGANI OLEH DATO - DATO LEMBAGA DILUAK- LUAK ADAT PERPATIH SEPERTI DI NEGERI SEMBILAN.
- 6 BEKERJASAMA DENGAN KERAJAAN BAGI MENARIK PELANCONG DALAM DAN LUAR NEGERI DATANG KE MELAKA NEGERI BERADAT DAN BERBUDAYA.
- 7 MEWUJUDKAN TABUNG ANAK ADAT UNTUK TUJUAN PENDIDIKAN DAN KEBAJIKAN.

**JAWATANKUASA PENAJA
PERSATUAN ANAK ADAT WILAYAH NANING
(PAWANING)**

- Penaung : Ke Bawah Kaus YAM Dato' Abdul Latif Bin Hj Hashim
Orang Kaya Sri Raja Merah Undang Wilayah Naning Ke 19**
- Penasihat : 1. YB Dato' Seri Dr Rais Bin Yatim
Menteri Kebudayaan , Kesenian Dan Warisan**
- 2. YB Datuk Hj Hamdin Bin Abdollah
ADUN Durian Tunggal**
- 3. Ybhg Prof. Dato Dr Hj Abdul Latif Bin Hj Abu Bakar
Pengerusi Lembaga Pengarah INSMA Melaka**
- 1. Presiden : Ybg Datuk Hj Rahim Bin Hj Baba DMSM**
- 2.. Timb. Presiden : Ybg Datuk Kurnia Undang Sazali Bin Datuk Dr Hj Azman Atar
PKUJ , PMC , PJK**
- 3. Naib Presiden I : Dato' Kehormat Majlis Penasihat Balai Undang Naning
Tn Hj Azman Bin Hj Abdul Ghani**
- Naib Presiden II : Dato' Kehormat Majlis Penasihat Balai Undang Naning
En Nattersshah Bin Abu Hassan**
- Naib Presiden II : Dato' Kehormat Majlis Penasihat Balai Undang Naning
Pn Siti Eshah Bte M Ali**
- 4. Setiausaha Kehormat : En Mohd Yunus Bin Abdollah PJK**
- 5. Bendahari Kehormat : En Abd Rahim Bin Kassim PPN**
- 6. Ketua
Penerangan : Ybg Datuk Sidang Hj Karim Bin Razak PPN**

7. Ahli

- Jawatankuasa :**
1. Datuk Sidang Ismail Bin Hassan – Air Paabas
 2. Datuk Sidang Muslim Bin Ayob – Pegoh
 3. Datuk Sidang Baharudin Bin Md Tahir – Kg Baru
 4. Datuk Sidang Rasid Bin Katid – Jus
 5. Datuk Sidang Ismail Bin Johan –Tebong
 6. Datuk Sidang Abd Ghani Bin Lajin – Gadek
 7. Datuk Sidang Ibrahim Bin Karim – Nyalas
 8. Datuk Sidang Md Zin Bin Husien – Kelemak
 9. Datuk Jaksa Jamaludin Bin Haron – Lubuk Cina
 10. Datuk Dagang Abdul Kadir Bin Ismail – Tmn Sri Bayu 2
 11. Datuk Dagang Mahat Bin Salim – Kelemak Jaya
 12. Buapak Che Lah Bin Md Seh - Air Paabas
 13. Buapak Hj Kassim Bin Khamis – Kelemak
 14. Buapak Shamsudin Bin Md Tahir – Pekan Alor Gajah
 15. En. Ibrahim Bin Md Yusof – Lendu
 16. Tn Hj Sharif Bin Talib – Lendu
 17. En Aziz Bin Jantan – Melaka Pindah
 18. Tn Imam Mohd Bin Wajid Ali – Pekan Alor Gajah
 19. En Razali Bin Hj Zainal – Kg Baru
 20. Tn Hj Minhat Bin Udin – Mukim Taboh Naning
 21. Pn Hj Hwa Bte Osman – Kg Baru
 22. Pn Zainab Bte Md Jani – Lendu

8. Pemeriksa Kira –Kira

- : 1. Buapak Jantan Bin Said
2. Pn Kamesah Bte Rahmat**

(16) Perkara 34. Perlembagaan Negeri Melaka

JADUAL KEDUA
MUKIM-MUKIM YANG DILIPUTI OLEH KUASA
DATO' PENGHULU NANING

Ramuan China Besar

Ramuan China

Kecil

Sungai Baharu Ulu

Masjid Tanah

Sungai Siput

Berisu

Ayer Paabas

Lendu

Sungai Buloh

Melekek

Taboh Naning

Pegoh

Kelemak

Pulau Sebang

Tanjung Rimau

Padang Sebang

Gadek

Melaka Pindah

Rembia

Sungai Petai

Kemuning

Tebong

Batang Melaka

Jus

Nyalas

Pihak Jawatankuasa ini yang mewakili Lembaga Adat, dan anak-anak buah Wilayah Naning ingin menggariskan beberapa pendirian dalam menangani isu pemansuhan Datuk Naning.

- i. Bahawa seluruh Ketua Adat dan anak-anak Buah di Wilayah Naning berdiri teguh di bawah kepimpinan Kerajaan Negeri Melaka yang ada sekarang ini;
- ii. Bahawa seluruh Ketua Adat dan anak-anak Buah di Wilayah Naning berdiri teguh di bawah kepimpinan Kerajaan Persekutuan yang ada sekarang ini;
- iii. Kami akan mengamalkan sistem dan perjalanan Adat Perpatih di Wilayah Naning sebagai alat untuk menyatupadukan lagi anak-anak buah di Wilayah Naning bagi mendukung hasrat nasionalisme negara kita;
- iv. Kami akan bersama-sama menjayakan matlamat meninggikan syiar Islam yang menjadi agama rasmi kita;
- v. Dalam mencari penyelesaian berhubung isu Datuk Naning, Jawatankuasa ini mengutamakan dasar perundingan dan semangat muhibah sebagai jalan keluar, bukan menggunakan pertentangan atau cara-cara yang tidak sihat.
- vi. Dalam hal pemulihan institusi Datuk Naning, kami bukan menitikberatkan kepentingan perseorangan yang tertentu bahkan memperjuangkan dan memper-
tahankan hak Peesaka.

HARAPAN

Adalah menjadi harapan seluruh Lembaga Adat dan anak-anak Buah Wilayah Naning agar semua peristiwa pahit dan perkara-perkara yang telah berlaku di masa lalu dapat dijadikan sempadan oleh kami dan meyakini tiada penyakit yang tidak dapat diubati, tiada masalah yang tidak boleh diselesaikan, tiada kusut yang tidak boleh dileraikan dan tiada keruh yang tidak boleh dijernihkan, maka dengan sepenuh harapan kami memohon supaya masalah penganutan Datuk Naning oleh Dewan Undangan Negeri yang telah lalu dapat dikaji semula dan dipertimbangkan untuk dipulihkan kembali seperti sebelumnya oleh kerajaan Negeri Melaka.

2. Namun demikian kami juga sedar sedikit ubah suai perlu dilakukan apabila pemulihan dibuat iaitu tentang kedudukan protokol supaya diletakkan kedudukan Datuk Naning selepas YAB Ketua Menteri dimana-mana jua di dalam Negeri Melaka. Selain dari itu jawatan " Datuk Naning " eloklah sebagai Datuk Naning sahaja bukan Penghulu Naning.

3. Seorang Datuk Naning hendaklah dilantek dengan persetujuan Tiang Balai dan Isi Balai (Datuk-Datuk Lembaga Adat) dari kalangan anak Naning serta mendapat persetujuan Kerajaan Negeri Melaka.

SUKU-SUKU ADAT YANG TERDAPAT
DIDALAM BUKU DAFTAR GERAN DI
PEJABAT TANAH ALOR GAJAH

1. Suku Semelenggang Ganum
2. Suku Semelenggang Naning
3. Suku Semelenggang Batu Kikir
4. Suku Semelenggang Pulau
5. Suku Semelenggang Bunga Tanjung
6. Suku Semelenggang Ayer Angat
7. Suku Semelenggang Taboh
8. Suku Semelenggang Indaka Tuan
9. Suku Semelenggang Kelopak
10. Suku Mungkar Kemus
11. Suku Mungkar Perliang
12. Suku Tiga Nenek
13. Suku Anak Melaka
14. Suku Anak Melaka Gonggong
15. Suku Anak Melaka Limau Perut
16. Suku Anak Kundangan
17. Suku Anak Melaka Paya Dalam
18. Suku Anak Melaka Sungai Buloh
19. Suku Tiga Batu Lubak Kepong
20. Suku Tiga Batu Peliang
21. Suku Tiga Batu Belang
22. Suku Tiga Batu Kampong Padang
23. Suku Tiga Batu Kampong Tengah
24. Suku Tiga Batu Nisan Tinggi
25. Suku Tiga Batu Kemus
26. Suku Tiga Batu Seniaga

SUKU-SUKU ADAT YANG TERDAPAT
DIDALAM BUKU DAFTAR GERAN DI
PEJABAT TANAH YASIN.

1. Pesaka Suku Tiga Batu
2. Pesaka Suku Tiga Nenek
3. Pesaka Suku Tiga Batu Seniaga
4. Pesaka Suku Tiga Lubok Kepong
5. Pesaka Suku Tiga Batu Semelenggang
6. Pesaka Suku Tiga Lubok Pisang
7. Pesaka Suku Tiga Blang
8. Pesaka Biduanda
9. Pesaka Mungkar Machap
10. Pesaka Mungkar Segamat
11. Pesaka Mungkar Kemus
12. Pesaka Mungkal Melaka
13. Pesaka Mungkar Bidara
14. Pesaka Mungkal Komoi
15. Pesaka Seri Lemak
16. Pesaka Paya Komoi
17. Pesaka Biduanda Jati
18. Pesaka Tanah Dalaj
19. Pesaka Paya Kuboh.

NORMA-NORMA PERLAMPIKAN SEORANG DATUK NANING

PENDAHULUAN/PRAKATA

Naning ialah sebuah wilayah yang luasnya kira-kira 250 kilometer persegi iaitu $\frac{2}{3}$ dari keluasan negeri Melaka. Letaknya dibahagian utara negeri Melaka bersempadanan dengan negeri Sembilan. Sejak ianya didaulatkan, penduduk-penduduk Naning telah mengamalkan adat Perpatih, yang diketuai oleh seorang pembesar yang bergelar "Orang Faya Seri Raja Merah"- Datuk Naning."

Datuk Naning adalah dari keturunan Suku Semelanggang Tabuh/Semelenggang Naning. Datuk Naning adalah dilantek oleh Datuk-Datuk Lembaga Adat, Tiang Balai dan Isi Balai berpanduan kepada norma-norma yang diamalkan sejak turun temurun.

ASAS PEMILIHAN CALON

Bahwa apabila berlaku kekosongan Pesaka Datuk Naning, maka Lembaga Adat serta dianggotai oleh Tiang Balai dan Isi Balai sayugia mengadakan persidangan untuk memilih calon yang layak menyandang jawatan Datuk Naning berasaskan kepada faktor-faktor yang telah diadatkan seperti berikut:-

1. Bahwa seseorang calon Datuk Naning hendaklah dari seorang lelaki dari Suku Semelenggang Tabuh, berketurunan Datuk Naning serta beristerikan dengan orang yang berketurunan Datuk Naning dari Suku Semelenggang Naning atau sebaliknya iaitu seorang lelaki Suku Semelenggang Naning yang beristerikan dengan orang yang berketurunan Datuk Naning dari Suku Semelenggang Tabuh.
2. Kiranya lebih dari seorang calon yang layak, maka Datuk Lembaga Adat, Tiang Balai dan Isi Balai akan mengambil keputusan menentukan calonnya.
3. Keputusan pemilihan hasil dari persidangan Datuk-Datuk Lembaga Adat terhadap calon yang dipilih akan dipanjangkan kepada Pegawai Daerah Alor Gajah untuk mendapat persetujuan/restu dari Kerajaan Negeri.

4. Bahawa penyandang Feoaka Datuk Maning akan menjalankan tugas sepanjang hayat (seumur hidup).

PERISTIHAHAN PERLANTIKAN

Bahawa setelah menerima restu dari pihak Kerajaan Negeri, suatu majlis istiadat peristiharan hendaklah diadakan. Majlis peristiharan akan diadakan di Balai Undang Maning yang melibatkan:-

- i. Datuk-Datuk Lembaga Adat
- ii. Pembesar-Pembesar Waris
- iii. Waris-waris Tua (Tertua) Lolaki & Perempuan
- iv. Maulana Hakim
- v. Datuk Paduka Tuan
- vi. Datuk Pawang
- vii. Anak-anak Buah dalam Maning
- viii. Pihak Kerajaan

Istiadat ini dijalankan secara ringkas tetapi sungguh bermakna dan ianya adalah majlis rasmi kerajaan. Majlis dikendalikan oleh pihak Kerajaan.

ISTIADAT PERLANTIKAN

Setelah dilakukan peristiharan tentang calon Datuk Naning, satu majlis perlantikan akan diadakan dikediaman Datuk Naning.

Acara-acara berikut adalah diadakan:-

1. Persiapan di Balai Undang Naning

- i. Membentang Tabir dan langit-langit di Dewan Mengadap
- ii. Sebuah tilam pandak
- iii. Sebuah tepak sirih peminangan
- iv. Satu persalinan longkap Datuk Naning - sepasang Baju Melayu kuning dengan sampin dan kopiah.

2. Acara-acara yang perlu dijalankan

- i. Pada hari istiadat perlantikan Datuk Naning terlebih dahulu dibedak limau disobelah pagi diperigi gaung, oleh Datuk Lembaga.
- ii. Selesai dibedak limau Datu Naning dibawa balik ke Balai Undang untuk dilengkap salin pakaian oleh Datuk Lembaga.
- iii. Setelah selesai persalinan, Datuk Naning didudukkan di ruang mengadap, dengan didudukkan di atas tilam pandak, yang telah dilongkarkan tabir dan langit-langit.
- iv. Datuk-Datuk Lembaga Adat didudukkan mengikut susunan yang diadakan iaitu:

- (iv) a. Disebelah kanan - Pembesar Waris
- b. Disebelah kiri - Datuk-datuk Lembaga Adat,
Datuk Paduka Tuan bersebelahan
dengan Datuk Nan Kaya
- c. Dihadapan Datuk Naning - Waris perempuan yang Tua,
Diikuti oleh Waris-warisan tua lelaki
dibarisan kedua, barisan
ketiga waris-warisan Datuk Naning
barisan keempat dan seterusnya
anak-anak buah Naning, dan
tetamu-tetamu undangan.
- (v) Majlis pemasyuran dibuat oleh Datuk Paduka Tuan.
- (vi) Majlis pemasyuran / (Menjunjung kaus) disempurnakan oleh
Datuk Naning.
- (vii) Diikuti oleh waris perempuan yang Tertua serta diteruskan
oleh Pembesar Waris dan Datuk Lembaga Adat.
- (viii) Diakhiri dengan membaca doa oleh Maulana Hakim

ISTIADAT BERKERJAN

Berselang dalam masa yang singkat suatu istiadat Berkerjan juga akan diadakan.

ACARA ISTIADAT

- i. Istiadat Menajat diadakan di atas Bukit Bisop (Bukit Penyalang) di waktu pagi hari Berkerjan oleh Datuk Naning serta Pembesar Waris dan Datuk Lembaga Adat.
- ii. Melakukan istiadat Bersiram di Perigi Gaung setelah istiadat menajat. Disediakan limau oleh Datuk-Datuk Lembaga Adat. (Kawasan Perigi Gaung dijadikan satu kawasan tempat persiraman).
- iii. Satudua tembakan Meriam dilakukan sewaktu memulakan majlis bersiram.
- iv. Datuk Naning disediakan dengan persalinan serba kuning termasuk kopiah.
- v. Satu panca persada disediakan untuk Datuk Naning untuk di bawa ke masjid
- vi. Majlis istiadat diadakan diperkarangan Masjid Tabuh di atas binaan pentas. Binaan pentas dihias dengan tabir dan langit-langit.

- vii. Susunan tempat duduk seperti di majlis Istiadat Perlantikan.
- viii. Alat-alat kebesaran disediakan:
 - a. Tombak
 - b. Bendera-banyora Semua 'Suku-suku'
Kebesaran Naning
 - c. Tilam Pandak (Tempat duduk Datuk Naning)
 - d. Tabir langit-langit
 - e. Tepak sirih
 - f. Sebilah keris
- ix. Majlis pemasyuran di kelolakan oleh Datuk Paduka Tuan.
- x. Datuk Naning Melafatkan pemasyuran ~~diikuti oleh~~
~~xxxix~~ dengan monjungjung kaus dan menghurus keris.
Diikuti lafaz taat setia oleh Waris Perempuan Tertua Suku Datuk Naning dan diteruskan oleh Datuk-Datuk Tiang Balai, Isi Balai dan Datuk-Datuk Lembaga Adat.
- xi. Bacaan doa oleh Maulana Hakim.

IKRAR

KAMI berikrar dan memperakukan kepada Kerajaan Negeri Melaka bahawa selepas pemulihan Datuk Naning dalam Perlembagaan perbuatan salah laku oleh Datuk Naning terhadap kerajaan Negeri Melaka tidak akan berulang lagi pada masa akan datang.

2. Pihak kami akan memastikan langkah-langkah menyusun semula Adat Perpatih Naning untuk disesuaikan dengan keadaan semasa yang tidak bertentangan dengan Agama dan dapat memupuk semangat pembangunan dan perpaduan bagi menjayakan wawasan 2020.